

11/10/1997

Australia dakwa hilang kontrak

SYDNEY, Jumaat - Kerajaan Australia hari ini berkata, krisis bekas Perdana Menterinya, Paul Keating, dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa tahun lalu, menyebabkan mereka kehilangan kontrak pertahanan bernilai A\$2 bilion (RM5.1 bilion).

Sekali usaha melobi giat dijalankan, Malaysia memilih tawaran sebuah syarikat Jerman untuk membekalkan 27 bot peronda baru serta menolak tawaran syarikat Australia, Transfield Defence Systems, kata Timbalan Perdana Menteri, Tim Fischer.

Keating mencetuskan krisis politik besar pada 1993 apabila menyifatkan Dr Mahathir sebagai `keras kepala' kerana tidak menghadiri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle.

"Kami tidak akan tahu sama ada perkataan `keras kepala' itu menggagalkan usaha profesional Transfield untuk mendapat pertimbangan positif pada peringkat terakhir," kata Fischer. - AFP

(END)